

# Si Rukun Negara dilupakan

## SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 rukun negara



Muhyiddin (tengah) mengetuai bacaan lafadz Rukun Negara dalam pelancaran sambutan Ulang Tahun ke-50 Rukun Negara di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya pada 9 Julai lalu.

sains dan teknologi moden.

Mengapa matlamat negara ini jarang disebut? Mengapa aspirasi nasional selalu diketepikan? Bukankah tidak masuk akal bahawa seseorang harus menyatakan dengan lantang lima prinsip, namun lima matlamat yang sepatutnya mengiringi prinsip-prinsip berkenaan disembunyikan daripada orang ramai? Ia berlaku secara sistematis dan konsisten selama lebih 30 tahun.

Sama ada pada buku latihan sekolah atau dalam media atau ketika majlis umum, fokusnya selalu pada prinsip-prinsip Rukun Negara sementara aspirasinya tidak diendahkan sama sekali.

### Penjelasan

Apakah penjelasan di sebalik usaha sengaja dan tidak sengaja ini dalam menyembunyikan matlamat negara seperti yang termaktub dalam Rukun Negara?

Lagipun semasa Rukun Negara pertama kali diumumkan oleh Yang di-Pertuan Agong keempat pada 31 Ogos 1970, aspirasi dan prinsip dinyatakan dalam satu turutan. Pada tahun 1970-an, matlamatnya menonjol dalam wacana umum.

Ada tiga penjelasan berhubung pengabaian aspirasi Rukun Negara. Sekiranya orang ramai sedar akan matlamat negara melalui peringatan berterusan oleh mereka yang berkuasa dan berpengaruh, rakyat akan menjadi lebih kritikal dalam menilai pemimpin dan dasar-dasar kerajaan.

Mereka akan bertanya sama ada kita benar-benar menyuburkan budaya demokratik atau apakah kekayaan negara dibahagikan lebih adil hari ini berband-

lamat Rukun Negara. Dalam tempoh 10 tahun kebelakangan ini, sesetengah orang yang berkuasa memupuk kebenjian terhadap istilah ‘liberal’ yang dikaitkan dengan matlamat keempat ideologi kebangsaan.

### Liberal

Liberal atau liberalism bagi mereka bermaksud kebebasan mutlak dan tidak terkawal. Mereka mungkin tidak sedar bahawa beberapa pendokong pemikiran liberal terkenal mengakui tentang pentingnya batas kebebasan.

Terdapat juga sebilangan rakyat Malaysia yang menyamakan liberal dengan sokongan terhadap LGBT. Ia merupakan satu lagi tanggapan yang salah. Terdapat banyak golongan liberal yang ideanya mengenai peranan gender, hubungan seksual dan perkahwinan akan menghalang mereka daripada memperjuangkan LGBT.

Bagaimanapun, dalam Rukun Negara, kata-kata ‘pendekatan liberal’ digunakan secara eksklusif untuk menggambarkan pandangan tertentu mengenai tradisi budaya bangsa yang pelbagai. ‘Terbuka’, ‘inklusif’ atau ‘akomodatif’ akan menjadi beberapa istilah yang sinonim dengan Rukun Negara.

Pendekatan liberal terhadap kepelbagai budaya bangsa itu yang dinyatakan dalam sikap orang ramai dan golongan elit ialah salah satu kekuatan terbesar kita. Ia menerangkan mengapa kita bersatu sebagai sebuah negara selama beberapa dekad.

Mungkin ada sebab lain mengapa ada yang menentang untuk menekankan

**Sesungguhnya, hanya dengan memastikan Rukun Negara terus utuh, kita akan menghormati salah satu warisan hebat Tun Razak.”**

Sejumlah keputusan mahkamah dan episod lain dalam beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan dorongan untuk sebuah negara dan masyarakat yang pada hakikatnya berbeza daripada apa yang dibayangkan oleh Rukun Negara dan Perlembagaan Malaysia.

Ironinya, sebilangan penyokong negara baharu ini berharap dapat mencapai misi mereka melalui Artikel 3 Perlembagaan yang mengakui Islam sebagai agama Persekutuan. Ini contoh yang jelas bagaimana Perlembagaan digunakan untuk merosakkan Perlembagaan itu sendiri.

Inilah sebabnya mengapa tugas mengangkat matlamat-matlamat Rukun Negara dalam erti kata merangkul Perlembagaan sangat penting pada tahap berkenaan kerana negara ia akan terus menempuh jalan yang telah ditetapkan pada tahun 1957 – jalan yang diteguhkan pada 1970.

Ini adalah alasan paling kuat untuk mengembalikan Rukun Negara secara keseluruhan, baik aspirasi maupun prinsipnya. Sekiranya kita tidak berjaya memperkasa Rukun Negara, aspirasi dan prinsipnya, kita pasti akan mengecewa-